

Motivasi penjawat awam merudum kerana politik

Oleh **HADI AB. MANAP**
hadi.manap@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Polemik politik berpanjangan dikhuatiri melunturkan motivasi kerja penjawat awam terutama petugas barisan hadapan yang penat perlu melakukan tugas sama setiap hari.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Adnan Mat berkata, ini kerana penjawat awam yang buat kerja

berasa mereka tidak mendapat sokongan.

Menurut beliau, sekiranya negara terus terjerumus dengan pertikaian politik, usaha mencegah Covid-19 dan memulihkan ekonomi tidak dapat dilaksanakan.

Jelasnya, petugas barisan hadapan sudah penat menghadapi situasi sama setiap hari.

“Sewajarnya semua ahli politik tidak kira ideologi menyetepikan perbezaan dan perbalahan buat sementara

waktu.

“Ahli politik boleh duduk berbincang sesama sendiri tentang cara terbaik untuk membantu rakyat yang kini semakin tertekan dengan situasi semasa politik dan peningkatan kes Covid-19 setiap hari,” kata beliau dalam kenyataan semalam.

Mengulas lanjut, Adnan berkata, jika pemimpin politik yang benar-benar ikhlas perlu menjaga kebajikan rakyat, akur lah dengan gencatan politik dicadangkan dan berikan

tumpuan membantu rakyat.

Kata beliau, Cuepacs juga menyeru seluruh penjawat awam supaya tidak terlibat atau terbabit dengan pergulutan politik.

Jelasnya, penjawat awam kena terus fokus memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan negara.

“Walau apa pun tekanan dan cabaran ketika ini, Cuepacs yakin penjawat awam mampu melaksanakan tanggungjawab masing-masing,” tegasnya.



PETUGAS kesihatan melakukan pemeriksaan ke atas 40 pelajar dan kakitangan Sekolah Tinggi Islam As Sofa di Senawang, Negeri Sembilan kelmarin bagi mengesahkan kesihatan mereka.